

# EAEC tidak wajar terikat kesatuan lain

LANGKAWI 18 Julai — Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tidak sewajarnya terikat dengan mana-mana badan atau kesatuan lain kerana ia boleh berfungsi dengan sendiri, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) sendiri tidak terikat dengan mana-mana kesatuan tetapi ia boleh beroperasi.

"Jika NAFTA boleh berfungsi dengan sendiri, kenapa tidak dengan EAEC?" kata beliau dalam sidang akhbar selepas menghantar pulang Presiden Suharto dan Ibu Tien di lapangan terbang di sini petang ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika diminta mengulas mengenai kemungkinan EAEC bergabung dengan Rundingan Ekonomi Asia Pasifik (APEC) untuk menjadikan gagasan itu satu kenyataan.

## Pilihan

Difahamkan gabungan EAEC dengan APEC ini adalah salah satu dari pilihan yang mungkin dikaji oleh negara-negara ASEAN dalam usaha merealisasikan konsep EAEC.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak menolak sama sekali kemungkinan mewujudkan EAEC itu secara pertalian dengan APEC.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia akan mengkaji sejauh manakah keberkesanan EAEC itu jika ia terikat dengan APEC.

"Malaysia berpendapat EAEC tidak seharusnya terikat dengan pertubuhan lain kerana ia boleh berfungsi dengan sendiri seperti juga NAFTA," kata beliau.

Menurutnya, Setiausaha Agung ASEAN kini sedang menyiapkan kertas kerja mengenai pilihan-pilihan yang boleh diambil bagi melaksanakan EAEC dan negara-negara ASEAN akan membincangkan mengenai buruk baik syor-syor yang dikemukakan dalam kertas kerja itu.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri menekankan Indonesia menyokong penuh konsep EAEC cuma negara itu ingin melihat pelaksanaannya kelak benar-benar berkesan.